

## S : APA YANG BOLEH SAYA LAKUKAN JIKA SIMATI TIDAK MEMBUAT SATU WASIAT ATAU SATU AMANAH?

- MUDAH! Lantiklah PERPETUAL TRUSTEES.
- Kami akan menghilangkan segala kerumitan dan kepayahan anda bagi memohon Surat Kuasa Wakil dan pembahagian aset-aset anda.
- Pengalaman kami bukan sekadar akan menjimatkan masa dan wang anda tetapi kami juga akan meringankan beban anda dari satu tanggungjawab yang besar serta tekanan di dalam pentadbiran keseluruhan harta pusaka anda.

Bagi pentadbiran harta pusaka Orang Islam, Perpetual Trustees akan mentadbirkannya selaras dengan Undang-Undang Syariah.



## S : MENGAPA MEMILIH PERPETUAL TRUSTEES?

- Kami disokong oleh penjana Kewangan Antarabangsa – Kumpulan ING.
- Kami mempunyai kepelbagaian produk dan perkhidmatan amanah yang luas di dalam dan luar negara.
- Kami diuruskan secara professional oleh pakar-pakar berpengalaman dan terlatih.
- Perkhidmatan peribadi kami adalah pantas, cekap dan boleh dipercayai.
- Anda memperolehi kemudahan Pentadbiran Harta Pusaka dan Amanah di bawah satu bumbung.

## S : SIAPAKAH PERPETUAL TRUSTEES?

Perpetual Trustees Berhad telah ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan pemegang amanah sepenuhnya kepada keseluruhan masyarakat dan perniagaan.

Bersama-sama dengan Kumpulan ING penjana Kewangan Antarabangsa sebagai pemegang saham, Perpetual Trustees bercadang untuk membawa perkhidmatan dan pengurusan amanah bertaraf antarabangsa ke Malaysia.



***Berdiam Diri Bukanlah Satu Pilihan!  
Hubungi Kami Sekarang!***

**PERPETUAL TRUSTEES BERHAD** (683278-D)

Unit C-13-02, 1st Floor, Dataran 3 Dua,  
Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor Malaysia  
Tel : 03-7956 6741 / 7741  
Fax : 03-7956 5741

# PERPETUAL TRUSTEES BERHAD

*Your TRUST WILL Begin With Us*

## S : ADAKAH ANDA BERSEDIA UNTUK PERJALANAN AKHIR? SUDAHKAH ANDA MERANCANG UNTUKNYA?



*Kita tidak dapat lari dari ketidakpastian hidup seperti kesakitan, kesedihan, penderitaan dan kematian. Tetapi kita boleh MERANCANG KE HADAPAN untuk membuat ianya kurang ketidakpastian, kurang menyedihkan, kurang menyakitkan dan lebih bermakna.*

## S : BAGAIMANA ANDA MERANCANG KE HADAPAN?

*Dengan merancang harta pusaka anda sekarang.*

## S : MENGAPA SAYA MEMERLUKAN PERANCANGAN HARTA PUSAKA?

Kebanyakan orang mengandaikan bahawa mereka tidak mempunyai harta pusaka dan dengan itu mereka tidak memerlukan satu perancangan harta pusaka. Tetapi jika anda memiliki sebuah kereta, barangan kemas, sejumlah wang di dalam dana persaraan atau pun insurans hayat, maka anda mempunyai aset-aset yang anda perlu lindungi, rancang dan turunkan kepada orang yang tersayang.

Perancangan harta pusaka adalah penting terutamanya jika anda mempunyai anak-anak di bawah umur dan orang tanggungan yang lain. Adakah anda telah mengambilkira kebimbangan-kebimbangan utama ini?

1. Siapakah yang akan menjaga anak-anak anda jika sesuatu berlaku kepada anda?
2. Bagaimana anda boleh menentukan bahawa keperluan-keperluan orang tua dijaga?
3. Siapa yang akan menguruskan keperluan-keperluan rumahtangga dan perniagaan jika anda menjadi tidak upaya?

Perancangan bagi pembahagian aset-aset anda setelah anda meninggal dunia bukanlah satu tugas yang menyenangkan tetapi ianya satu keperluan muktamad.

Tambahan pula anda akan mempunyai keselesaan dalam mengetahui bahawa keluarga anda akan dijaga dengan secukupnya apabila anda tiada lagi di dunia.

## S : BAGAIMANA SAYA MELAKUKANNYA?

Anda boleh mencapai matlamat perancangan harta pusaka dengan mencipta satu AMANAH dan satu WASIAT ataupun gabungan kedua-duanya. Dengan berbuat demikian anda akan mengambil langkah jangka panjang bagi melengkapkan masa hadapan orang tersayang semasa anda tidak lagi berada di sisi.

## S : TETAPI MENGAPA SAYA MEMERLUKAN SATU AMANAH DAN/ATAU SATU WASIAT?

BENARKAN KAMI MENJAWAB SOALAN INI DENGAN MELIHAT APA YANG AKAN TERJADI JIKA ANDA MENINGGAL DUNIA TANPA SATU AMANAH ATAU SATU WASIAT?

Jika anda meninggal dunia tanpa satu AMANAH atau satu WASIAT, akan ada beberapa kesan :

- Aset-aset anda akan dibekukan selama 2-3 tahun atau lebih.
- Harta pusaka anda perlu memperolehi surat kuasa wakil sebelum ia boleh dibahagikan, sekali lagi akan ada tempoh menunggu selama 2-3 tahun.
- Ia tidak akan dibahagikan menurut kehendak anda tetapi selaras dengan Akta Pembahagian 1958 dan di dalam kes harta pusaka Orang Islam akan menurut Undang-Undang Syariah.
- Tidak akan ada privasi tetapi akan diketahui umum.
- Orang yang anda sayangi akan mendapat MIMPI NGERI, KESUKARAN DAN BEBAN untuk mendapatkan Surat Kuasa Wakil dan kemudiannya tugas yang lebih sukar untuk membahagikan aset-aset.

Tetapi dengan satu AMANAH dan satu WASIAT, tiada satu pun dari kesan-kesan ini akan timbul.

## S: WASIAT ATAU AMANAH?

- Kebanyakan orang memerlukan KEDUA-DUANYA.
- Amanah boleh memenuhi beberapa tujuan. Kebaikan utama satu AMANAH adalah ianya dibuat dan boleh mempunyai kesan semasa anda masih hidup dan biasanya adalah strategi terbaik untuk mengelakkan kelewatan di dalam mendapatkan surat kuasa probet dan melindungi privasi kewangan anda.
- Anda tidak perlu mencipta satu Amanah ke atas keseluruhan aset-aset anda tetapi anda boleh memilih sebahagian darinya dan anda juga boleh menukar arahan anda seperti yang anda fikir wajar. Amanah juga direka untuk menyara kanak-kanak di bawah umur semasa anda masih hidup. Dalam erti kata lain terdapatnya satu kesinambungan dari saat anda meninggal dunia.
- WASIAT menamakan waris-warisan kepada harta pusaka anda seperti ahli keluarga, sahabat dan/atau badan kebajikan dan ianya memperuntukkan bagaimana harta benda anda akan dibahagikan apabila anda meninggal dunia. Di sini keseluruhan harta pusaka anda akan dibahagikan kepada waris-warisan menurut kehendak anda.

## S : APAKAH ITU AMANAH DAN MENGAPA AMANAH ITU PENTING?

- Di dalam kebanyakan perancangan harta pusaka, AMANAH adalah alat utama yang digunakan untuk mengawal dan menguruskan harta benda.
- AMANAH dicipta apabila anda masih hidup atau sebagai sebahagian dari satu Wasiat dan ianya akan berterusan walaupun anda menjadi tidak berupaya atau meninggal dunia.
- Pemegang Amanah – sama ada seorang individu atau Pertubuhan Amanah dilantik untuk mentadbirkan aset-aset seperti yang anda kehendaki untuk anda dan/atau untuk waris-warisan anda semasa hayat anda dan setelah anda meninggal dunia.
- Surat Ikatan Amanah menentukan bagaimana Pemegang Amanah perlu bertindak berhubung dengan Harta Pusaka Amanah.
- Satu Amanah juga boleh menentukan bagaimana harta benda anda akan dibahagikan setelah anda meninggal dunia seperti mana arahan-arahan anda.
- Amanah dengan itu adalah salah satu dari alat utama di dalam perancangan harta pusaka yang digunakan untuk membahagikan harta benda anda agar campurtangan mahkamah, seandainya berlaku keadaan tidak upaya atau kematian dapat dikurangkan secara dramatik jika pun tidak dapat diketepikan sepenuhnya.

## S : BILA SAYA PERLU MENCIPTA SATU AMANAH?

- Satu-satunya masa apabila anda boleh menyediakan dan melaksanakan satu Amanah dan satu perancangan harta pusaka adalah semasa anda masih hidup dan mempunyai keupayaan sah di sisi undang-undang ("mental") untuk memasuki satu kontrak.

- Masa terbaik untuk berbincang tentang keperluan satu Amanah sebagai sebahagian dari perancangan harta pusaka yang komprehensif dan mencipta satu Amanah adalah SEKARANG.

## S: APAKAH ITU WASIAT?

- Wasiat adalah sebahagian dari keperluan untuk merancang masa hadapan.
- Wasiat adalah satu dokumen yang menunjukkan bagaimana anda mengkehendaki harta benda anda dibahagikan di antara keluarga, sahabat atau badan kebajikan setelah anda meninggal dunia.
- Wasiat anda juga adalah satu dokumen di mana anda akan mengenalpasti mereka bagi tugas-tugas penting seperti penjaga, wasi, pemegang amanah dan sebagainya.
- Satu Wasiat boleh mengandungi satu Amanah terutamanya jika anda mempunyai anak-anak di bawah umur.
- Perbezaan utama di antara satu Wasiat dan satu Amanah adalah satu Amanah akan mempunyai kesan semasa anda masih hidup ataupun setelah anda meninggal dunia. Bagi Wasiat pula, ianya hanya mempunyai kesan setelah anda meninggal dunia dan permohonan kepada mahkamah bagi satu Probet adalah perlu.

## S: MENGAPA SATU WASIAT ADALAH PENTING?

- Hanya satu Wasiat yang ditulis dengan sempurna dan terkini boleh menjamin bahawa arahan-arahan anda akan diketahui dan dipatuhi setelah anda meninggal dunia.
- Ianya merupakan satu rekod yang sah tentang kehendak-kehendak anda.
- Jika anda tidak menulis satu Wasiat, undang-undang negara di bawah Akta Pembahagian 1958 akan menentukan apa yang akan berlaku kepada kekayaan anda yang mungkin tidak selaras dengan kehendak dan matlamat anda. Untuk memastikan bahawa kehendak-kehendak anda akan dilaksanakan adalah amat penting bagi anda menulis satu WASIAT SEKARANG.

## S: SIAPA YANG PERLU MENGADAKAN SATU AMANAH DAN/ATAU MENULIS SATU WASIAT?

- Sesiapa sahaja yang mempunyai aset-aset atau akan mempunyai aset-aset dan mempunyai orang yang tersayang dan/atau orang tanggungan perlu mengadakan satu Amanah atau menyediakan satu Wasiat.
- Perpetual Trustees menyediakan Akaun Amanah yang mematuhi hukum Syariah dan Wasiat Islam bagi Orang Islam.